

09/10/2002

KL diminta suarakan pendirian OIC mengenai Baitulmaqdis

PUTRAJAYA, Selasa - Malaysia diharap dapat memainkan peranan penting dalam menyuarakan pendirian Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berhubung tindakan Amerika Syarikat mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Harapan itu disampaikan Menteri Luar Baitulmaqdis bagi Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Dr Sari Nusseibeh, dalam pertemuan lebih sejam dengan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar di Wisma Putra, hari ini.

Dr Nusseibeh berkata, Malaysia boleh bertindak sebagai ketua dan jurucakap OIC kerana negara ini dihormati negara Islam serta di rantau Asia.

Bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, beliau berkata, OIC perlu mengambil tindakan segera bagi mempertahankan Baitulmaqdis daripada terus dimusnahkan serta ditukar statusnya.

"Pendirian OIC ini penting kerana tanggungjawab mempertahankan Baitulmaqdis bukan hanya di bahu Palestin, malah pada semua negara Islam," katanya Dr Nusseibeh yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari bermula semalam.

Beliau juga dijangka mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Ditanya sama ada Palestin meminta OIC supaya mengadakan sidang tergempar mengenai kedudukan Baitulmaqdis, Nusseibeh berkata, perkara itu sudah dibuat dan terpulang kepada pertubuhan itu untuk mengadakan sidang berkenaan.

Sementara itu, Syed Hamid mengulangi pendirian Malaysia mengenai Baitulmaqdis yang perlu dikekalkan status quonya sehingga semua proses rundingan damai dan pengunduran tentera Israel di wilayah yang diduduki, dapat diselesaikan.

Syed Hamid berkata, Malaysia juga mengalu-alukan sidang tergempar OIC diadakan, tetapi keputusan yang dibuat mesti konkrit supaya dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Sebab itu dalam perbincangan Dr Mahathir dengan Presiden Yasser Arafat sebelum ini, beliau (Dr Mahathir) menulis kepada pemimpin seperti George W Bush, Canselor Jerman, Gerhard Schroeder dan Presiden Perancis, Jacques Chirac mengenai kebimbangan ini, yang mana kami hanya mahukan bantuan negara yang mempunyai kedudukan yang boleh bertindak menghentikan keganasan Israel," katanya.